



## NOTIS MAKLUMAN

### PELAWAAN SEBAGAI PANEL EJEN HARTANAH UNTUK KES LELONGAN DI MAHKAMAH TINGGI BAGI LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

LPPSA mempelawa Firma Ejen Hartanah yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH) yang berminat untuk menjadi Panel LPPSA bagi kes lelongan awam di Mahkamah Tinggi yang melibatkan lelongan secara E-Lelong.

Kriteria pemilihan panel penilai LPPSA adalah seperti berikut:

No.	Perkara	Kriteria
1.	Pendaftaran Firma	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan LPPEH (Borang Q).
2.	Tempoh Pendaftaran	Beroperasi secara aktif minimum 1 tahun.
3.	Lesen Penilai yang sah	Firma perlu mempunyai sekurang-kurangnya: i. Dua (2) Sijil Agensi Harta Tanah yang diiktiraf (Borang I); dan ii. Dua (2) Ejen Hartanah berlesen yang diiktiraf (Borang O) dan berdaftar dengan LPPEH.
4.	Pengalaman	Salah seorang daripada Ejen Hartanah berlesen yang diiktiraf mesti mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman perundingan hartanah.
5.	Jumlah Kakitangan	Firma hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang Real Estate Negotiator yang berdaftar.
6.	Insurans <i>Professional Indemnity</i>	Minimum RM100,000.
7.	Skop Kerja	Mencadangkan pembida/ pembeli yang berpotensi bagi tujuan lelongan awam secara E-Lelong.
8.	Kos	Berpandukan skala yuran panel Ejen Hartanah LPPSA.
9.	<i>Service Level Agreement (SLA)</i>	Garis Panduan akan disertakan dalam SLA.

Pelantikan panel adalah tertakluk kepada penilaian LPPSA.

Firma Ejen Hartanah yang memenuhi kriteria di atas dan berminat hendaklah mengemukakan surat permohonan dengan menyertakan dokumen profil firma termasuk Sijil Pendaftaran Firma (Borang 9), Sijil Amalan Penilaian dan (Borang Q) terkini, Insurans *Professional Indemnity (Professional Indemnity Insurans)* dan dokumen berkaitan selewat-lewatnya **31 Januari 2019** dan dialamatkan kepada:

Ketua  
Jabatan Pengurusan Produk & Proses  
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No 9, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Putrajaya

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my).

**22 Januari 2019**